

# LAPORAN TAHUNAN



Pustaka Negeri Sarawak

*Pustaka, rakan ilmu anda!*

## VISI

Menjadi wadah maklumat dan pengelahan kepada Negeri Sarawak.

## MISI

Menyediakan kemudahan terkini untuk memudahkan pengaksesan maklumat dan pengelahan.

## OBJEKTIF

Menghasilkan pusat sumber maklumat yang unggul.

## SASARAN

Memastikan semua individu di Sarawak dapat mengakses maklumat dan pengelahan melalui Pustaka Negeri Sarawak.





### PUSTAKA NEGERI SARAWAK (SARAWAK STATE LIBRARY)

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium,  
93050 Petra Jaya, Kuching,  
Sarawak, Malaysia

Tel: 6 082 442000  
Fax: 6 082 449944

E-mail: [librarian@sarawaknet.gov.my](mailto:librarian@sarawaknet.gov.my)  
[www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com)



# Kandungan



- 
- 2 Perituson Dari Pengurusan
- 
- 4 Lembaga Pengurusan
- 
- 5 Staf Pengurusan
- 
- 7 Carta Organisasi
- 
- 8 Berita Utama Tahun 2007
- 
- 16 Laporan Dari Pelbagai Bahagian
- 16 Pengurusan Korporat
  - 21 Penyelidikan & Pembangunan
  - 24 Perkhidmatan Maklumat
  - 27 Perkhidmatan Depositor
  - 31 Teknologi Maklumat & Komunikasi
  - 37 Perkhidmatan Perpustakaan Awam
- 
- 41 Laporan Kewangan



## Perutusan dari Pengurus

### Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak



Bagi pihak Pustaka Negeri Sarawak, saya dengan sukacitanya menyampaikan Laporan Tahunan serta Penyata Kewangan bagi penghujung tahun 31 Disember 2007.

Tahun 2007 adalah merupakan tahun yang ketujuh semenjak penubuhan Pustaka Negeri Sarawak di mana fokus pada tahun ini adalah "Acculturation of Knowledge: To increase Human Capital Value for the State". Bagi menterjemahkan strategi kami, kami telah menetapkan keutamaan pada bahagian pembangunan sumber manusia serta pengukuhan melalui gabungan yang efektif bersama rakan kongsi sama ada dari dalam dan luar negara serta pengkhususan di dalam program "e-learning".



Keutamaan kami adalah di dalam projek pendigitalan, mengarkib dokumen pejabat secara elektronik, pengurusan ilmu negeri, penganjuran program pendidikan kepada pengguna, memantau serta melaksanakan projek-projek pembangunan dan juga bekerjasama dengan pelbagai pihak di dalam pengembangan koleksi bagi memastikan penduduk-penduduk di Sarawak mempunyai peluang yang sama rata untuk memperolehi maklumat walau di mana jua mereka berada.

Untuk memastikan peluang sama rata dalam memperoleh maklumat bagi penduduk di luar bandar, pada tahun 2007, 77 buah perpustakaan desa yang terdapat di Sarawak telah dilengkapi dengan peralatan ICT. Projek *Universal Service Provision (USP)* yang dibiayai oleh Kementerian Sumber Tenaga, Air dan Komunikasi serta *Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC)* telah menyumbang kemudahan ICT kepada 194 buah perpustakaan awam yang terdiri daripada 78% perpustakaan awam yang terdapat di Sarawak.

Sebagai langkah kesinambungan untuk mempertingkatkan pengetahuan ICT dan maklumat di Sarawak, 35 projek perpustakaan desa telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Tenaga, Air dan Komunikasi dan *Community Services and Knowledge Centre (CSKC)*. Objektif CSKC adalah untuk memupuk "k-ekonomi" serta menaiktarafkan kedudukan sosio-ekonomi penduduk luar bandar menerusi penggunaan sistem penyampaian-dalam talian. Setakat ini, sebanyak 113 perpustakaan desa telah dilengkapi dengan laman web masing-masing dengan hasil kerjasama dari masyarakat tempatan yang banyak menyumbang pembangunan maklumat tempatan.

Pada tahun 2007, Pustaka Negeri Sarawak telah menyertai dan disenarai pendek sebagai finalis untuk Anugerah Perpustakaan Cemerlang 2007 anjuran Persatuan Perpustakaan Malaysia (PPM) serta telah menyertai Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2007 (AKPANS). Ini merupakan kali pertama Pustaka turut serta di dalam AKPANS bertujuan untuk mengenal-pasti tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan yang kami sampaikan melalui inisiatif-inisiatif kualiti. Pustaka juga telah di audit oleh CI Certification Malaysia Sdn. Bhd. untuk pengiktirafan pensijilan MS ISO 9001: 2000.

Pustaka telah melaksanakan projek sekolah angkat bersama SMKA Tun Ahmad Zeidi (TUNAZ). Sekolah ini merupakan salah sebuah dari rakan ilmu Pustaka di dalam membina masyarakat yang berilmu. Dengan kerjasama ini, Pustaka telah menyumbangkan sejumlah buku secara pinjaman kelompok dan menjalankan Kelas Sesi Literasi Maklumat di sekolah tersebut. Sesi Literasi Maklumat tersebut juga telah diperluaskan ke sekolah-sekolah di Miri dengan kerjasama Curtin University Kampus Sarawak.

"Bulk Loan Service" juga telah diperluaskan kepada sekolah-sekolah serta agensi kerajaan di Miri sebagai salah satu usaha untuk mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat. Sejumlah lapan (8) organisasi termasuk tadika, sekolah dan institusi pengajian tinggi telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan yang telah disampaikan sepanjang tahun 2007.


Pada April 2007, Pustaka Negeri telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Arkib Negara Malaysia bagi membolehkan Pustaka melaksanakan sistem pengurusan arkib berkomputer (COMPASS), kerjasama di dalam pengurusan Rekod dan Arkib, memberi latihan dan sangkutan kepada tenaga sumber manusia, perkongsian sumber maklumat dan menyertai pameran-pameran sebagai usaha memupuk kesedaran pentingnya arkib dalam pemeliharaan "corporate memory". Usaha ini bertujuan untuk memudahkan fungsi dan peranan kami untuk mengumpul serta menyimpan rekod-rekod dan maklumat tentang Sarawak yang mempunyai nilai-nilai sejarah sebagai perkhidmatan kepada para penyelidik, agensi kerajaan serta orang awam membuat rujukan dalam memperolehi maklumat dan koleksi-koleksi sejarah negeri Sarawak.

Sebagai satu daripada keperluan untuk menyerahkan bahan-bahan yang diterbitkan di Sarawak di bawah Seksyen 14, Sarawak State Library Ordinance 1999, Negeri Sarawak. Pustaka telah memulakan langkah dengan pengarkiban laman web kerajaan pada tahun 2007.

Tahun 2007 merupakan tahun yang bersejarah di mana bangunan "State Record Repository" (SRR) telah diserahkan kepada Pustaka pada 6 Julai 2007. Bangunan tersebut akan berfungsi sebagai State Repository untuk rekod-rekod awam bagi agensi-agensi Kerajaan Negeri.

Bagi pihak Lembaga Pengurusan, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada para pemegang amanah, para pengguna, Rakan Pustaka, NGO, sektor awam, pembekal-pembekal, Kerajaan Persekutuan dan Negeri di atas sokongan yang tidak berbelah bahagi. Saya juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada rakan ahli Lembaga Pengurusan, pengurusan dan staf Pustaka di atas semangat dedikasi serta komitmen yang telah diberikan selama ini. Saya berharap segala komitmen, serta dedikasi ini akan terus berkekalan ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan serta efisien kepada para pengguna.

Terima kasih.



YBhg Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hj. Hamid Bugo





# Lembaga Pengurusan



1 Yang Berhormat Datuk Amar Wilson Baya Dandot  
Timbalan Pengerusi

4 Cik Lucy Wong Mei Ling  
Ahli

2 YBhg. Profesor Dr. Abdul Rahman Deen  
Ahli

5 Pn. Siti Zakiah Aman  
Ahli

3 Encik Nicholas Patrick  
Ahli

6 Encik Sunny P.H. Si  
Ahli

YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.)  
Haji Hamid Bugo  
*Pengerusi*

## Staf Pengurusan



Rashidah Hj. Bolhassan  
Ketua Pegawai Eksekutif



Nesly Rebid Abdullah  
Penyelidikan dan Pembangunan



Arpah Adenan  
Perkhidmatan Depositar



Wan Mazli Wan Razali  
Teknologi Maklumat & Komunikasi



Maurice Braoh  
Audit Dalam



Salina Zawawi  
Perkhidmatan Maklumat



Japri Bujang Masli  
Perkhidmatan Maklumat



Hayati Sabil  
Pustaka Min



Dayangku Hadzimah  
Awgku Ahmad  
Perkhidmatan Teknikal




Paidi Amat Mokito  
Pengurusan Korporat  
(1.1.07 – 31.5.07)



Norleha Haji Shariff  
Pengurusan Korporat  
(1.6.07 – 31.12.07)







MAJLIS TEKNOLOGI &  
SUMBER MAKLUMAT NEGERI SARAWAK

LEMBAGA PENGURUSAN

AUDIT DALAMAN

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF





# Berita Utama Tahun 2007

## Majlis Pelancaran Siri Sarawakiana Dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Penulisan Cerita Rakyat Sarawak 2006

Siri Sarawakiana (Pelukis Sarawak): *Tan Wei Kheng – Discover Sarawak* telah dilarikarkan dengan rasminya oleh Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam pada 12 Januari 2007.



Dr. Chan (tiga dari kanan) bersama (dari kiri) Setiausaha Majlis Bandaraya Miri, Antonia Kahki Galis, Hayati, Nicholas, Vani, Pengarah Projek Warisan Global, Dhakshinamoorthy, Rashidah dan Tan Wei Kheng selepas majlis perasmian.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah Ahli Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri, En. Nicholas Patrick, Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak, Pn. Rashidah Haji Bolhassan, Ketua Pegawai Eksekutif Warisan Global, En. Dhakshinamoorthy dan Pengurus Wilayah Pustaka Miri, Pn. Hayati Haji Sabil.

## Pembukaan Rasmi Perpustakaan Desa Bandar Baru Semariang

Majlis Pembukaan Rasmi Perpustakaan Desa Bandar Baru Semariang telah disempurnakan oleh YB Dato Sri Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg pada 16 Februari 2007.



YB Dato Sri Abang Abdul Rahman Zohari menyampaikan hadiah kepada pemenang aktiviti membaca.

## Sumbangan Buku dan bahan Terbitan daripada Institut Akauntan Malaysia (MIA)



YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo melihat buku yang disumbangkan oleh Institut Akauntan Malaysia.

Institut Akauntan Malaysia (MIA) telah menyumbang sebanyak 91 buah bahan-bahan terbitan perakaunan, buku-buku dan bahan lain kepada Pustaka Negeri Sarawak pada 21 Februari 2007 yang telah diadakan di Pustaka Negeri.



Peserta Sidang Video Digital dalam pakaiian tradisional Sarawak.

## Sidang Video Digital LC

Penyertaan belia tanpa mengira siapa dan di mana mereka berada di dalam usaha memelihara warisan budaya dan persekitaran tidak harus dipertikaikan. Menyedari hakikat ini, Lincoln Corner Pustaka Negeri Sarawak telah bekerjasama dengan pihak kedutaan Amerika Syarikat dan AZAM bagi mengadakan sidang video digital di kalangan belia berketurunan etnik di negara ini dengan para belia dari negara Russia dan Amerika Syarikat pada 15 Mac 2007.

Sidang selama 2 jam tersebut mengetengahkan tema "Persidangan Belia Etnik: komuniti kita, persekitaran kita, masa depan kita."





Penceramah jemputan, Dr. Ronald Orenstein

### Ceramah 'Why Science...in Particular, Why Conservation Biology'

Dianjurkan bersama dengan The Sarawak Biodiversity Centre dan Pustaka Negeri Sarawak pada 21 Mac 2007. Penceramah jemputan, Dr. Ronald Orenstein telah memberi gambaran keseluruhan tentang keajaiban dunia Sains dan berharap dapat menyemai minat di kalangan murid sekolah mengenai sains biologi.

### Ceramah Sarawakiana: Kesenian Sarawak

Koleksi yang luas dan pelbagai membuatkan para pembaca teruja dan menghargai perpustakaan. Lebih molek lagi jika para pengguna dapat menghayati maksud seni itu sendiri. Sebagai penghargaan terhadap keunikan seni, satu ceramah Sarawakiana telah disampaikan oleh Encik Ramsay Ong pada 10 April 2007 di perpustakaan yang juga mengetengahkan hasil seni beliau yang klasik dan kontemporari.



Ceramah Kesenian Sarawak berjaya menarik perhatian orang ramai.

### Pustaka Negeri Sarawak Menandatangani MoU Dengan Arkib Negara

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara Pustaka Negeri Sarawak dan Arkib Negara Malaysia telah diadakan pada 20 April 2007.

Memorandum Persefahaman tersebut telah ditandatangi oleh YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo, Pengurusi Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak dan Tuan Haji Mohamed Zawawi Abdullah, Ketua Pengarah, Arkib Negara Malaysia. Majlis juga turut disaksikan oleh En. Sidek bin Jamil, Timbalan Ketua Pengarah, Arkib Negara Malaysia dan Puan Rashidah Hj. Bolhassan, Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak.

Memorandum Persefahaman tersebut akan memberi manfaat kepada Pustaka Negeri di dalam pelaksanaan sistem pengurusan arkib berkomputer (Compass), jalinan kerjasama bersama Arkib Negara Malaysia di dalam bidang Pengurusan Arkib dan Rekod-rekod, kursus dan latihan sangkutan sumber manusia, perkongsian sumber dan maklumat, termasuk penganjuran bersama pameran-pameran.



Pertukaran Memorandum Persefahaman di antara Tan Sri Hamid Bugo dan Hj. Mohd. Zawawi Abdullah.

### Karnival Seni 2007

Karnival Seni 2007 telah diadakan di Pustaka Miri. Ianya adalah kolaborasi bersama kedua oleh Pustaka Miri dan Institut Perguruan Sarawak (IPS).

Bermula dari 16 April 2007 sehingga 18 Mei 2007, karnival tersebut telah dirasmikan pada 25 April 2007 oleh Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi Y.B. En. Lee Kim Shin. Turut hadir adalah Pengurus Wilayah Pustaka Miri Hayati Haji Sabil dan Pengarah IPS Hajah Zakiah Haji Omar.

Lebih daripada 50 hasil seni pensyarah dan pelajar IPS dipamerkan di Ruang Legar Pustaka Miri.



Y.B. Lee (dua dari kir) kagum melihat lukisan yang dipamerkan.





## Promosi Online@Pustaka



Pengguna mengambil peluang mengetahui perkhidmatan dalam talian semasa promosi.

"Online Promo" adalah salah satu daripada kempen bagi mempromosi penggunaan sumber-sumber dalam talian. Kempen pertama telah dimulakan pada 27 April bersama-sama dengan pengenalan "A Coffee Corner" – satu konsep di mana pengguna mendengar penerangan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh Pustaka dan pada masa sama membina hubungan erat dengan pengguna.

## Program Jangkauan Ilmu ke Ba' Kelalan

Program Jangkauan Ilmu ke Ba' Kelalan pada 3-6 Mei 2007 telah mendapat sambutan yang sangat baik daripada penduduk setempat. YBhg. Tan Sri Datuk Amar Haji Hamid Bugo turut sama dalam usaha memupuk budaya membaca dikalangan penduduk luar Bandar.



Penduduk tempatan menyambut kedatangan YBhg. Tan Sri Datuk Amar Haji Hamid Bugo di lapangan terbang Ba' Kelalan.

## Perkongsian Pintar Bersama SMKA Tun Ahmad Zaidi (TUNAZ)

Pustaka sentiasa mengalu-alukan usaha perkongsian pintar. Pada 11 Mei 2007, SMKA Tun Ahmad Zaidi [TUNAZ] menjadi salah satu rakan ilmu bagi mempromosikan budaya pembelajaran sepanjang hayat.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Datin Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Muda Sumber Manusia dan Latihan dan Menteri Muda Pertanian sebagai tanda bermulanya kerjasama di antara sekolah dan Pustaka di dalam usaha menaiktaraf koleksi perpustakaan sekolah, meningkatkan kemahiran maklumat dan juga mempromosi keahlian Pustaka kepada komuniti sekolah.



Pelajar dan TUNAZ mengambil kesempatan mendaftar sebagai pengguna Pustaka semasa kempen keahlian.

Kempen keahlian sehari di sekolah tersebut berjaya mendaftarkan sejumlah keahlian baru termasuk pembaharuan keahlian sedia ada.

## Majlis Penyerahan Urus Setia k@Borneo

Kepada Perpustakaan Negeri Sabah

Pada 14 Mei 2007 yang lalu, satu upacara Majlis Penyerahan Urus Setia k@Borneo kepada Perpustakaan Negeri Sabah telah berlangsung di Rasa Ria Resort, Sabah.

Majlis yang telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr) Hamid Bugo, Pengurus Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak dan YBhg. Encik Michael Emban, Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah itu telah disaksikan oleh YB Puan Jomzaz Mozhim, Menteri Muda Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna.

YBhg Datuk Amar Tan Sri Dr. Hj. Hamid Bugo menyerahkan Memorandum kepada YBhg En. Michael Emban





## Lawatan Rasmi Ketua Setiausaha Negara ke Pustaka Negeri Sarawak

YBhg. Tan Sri Mohd. Sidek Haji Hassan, Ketua Setiausaha Negara bersama rombongan telah melawat Pustaka Negeri Sarawak pada 14 Jun 2007. Rombongan telah diberi taklimat mengenai Pembangunan dan Perkhidmatan Perpustakaan Awam di Sarawak oleh Puan Rashidah haji Bolhassan, Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka Negeri Sarawak.



Rong Tan Sri Datuk Amar (Dr) Hj Hamid Bugo memberi penerangan kepada Ketua Setiausaha Negara sambil diperhatikan oleh YBhg. Datuk Hj Mohd Morshidi Ghani dan Pn. Rashidah.

## Ceramah 'Program Pembangunan Telekomunikasi di Malaysia & Impak Pembangunan Kandungan Mobil'

Ceramah komuniti bertajuk "Program Pembangunan Telekomunikasi dan Impak Pembangunan Kandungan Mobil" telah diadakan pada 22 Jun 2007 di Pustaka. Ceramah ini merupakan usahasama di antara Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan Pustaka bertujuan meningkatkan kemahiran para peserta mengenai pembangunan Teknologi dan Komunikasi Maklumat dan telekomunikasi.



Penonton yang terdiri daripada guru-guru dan pelajar.

## Ekspo Mini Ilmu 2007



Presiden Persatuan Alam Semulajadi Malaysia (MNS) Miri Lee Bor Seng (kanan) menentang sijil penghargaan bagi penyertaan mereka dalam Ekspo Mini Ilmu Pengetahuan diberikan Pengurus Wilayah Pustaka Miri Hayati Haji Sabil.

Tahun 2007 telah menyaksikan lebih 30 aktiviti dijalankan sepanjang Bulan Membaca dan salah satu acara utama yang diadakan adalah Ekspo Mini Ilmu pada 7 Julai 2007.

Seramai lebih 300 orang pelawat telah berkunjung ke ekspo yang berjalan sepanjang hari tersebut. Ianya dianjurkan juga bersempena dengan sambutan Ulangtahun Kelima Pustaka Miri.

18 organisasi yang terdiri daripada agensi kerajaan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) telah membuka kaunter atau gerai untuk pengunjung mengetahui dengan lebih lanjut produk dan perkhidmatan yang mereka tawarkan.

Pada hari yang sama, satu Kempen Menderma Darah juga telah diadakan dengan kerjasama pihak Tabung Darah Miri. Seramai 45 orang telah berjaya menderma darah dari sejumlah 70 orang yang hadir.

Sementara itu, 200 orang kanak-kanak telah menghadiri Karnival Kanak-Kanak Cerdas yang dianjurkan bersama Durnex dan Columbia Asia Medical Center.

## Pameran Sejarah DUN



Pustaka Negeri Sarawak telah bekerjasama dengan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam menganjurkan pameran mengenai Sejarah Penubuhan Dewan Undangan Negeri sejak 1948 di Sarawak. Pameran diadakan dari 11 Julai hingga 12 Ogos 2007.





## Karnival Batik

Salah satu acara utama Bulan Membaca 2007 adalah Karnival Batik yang telah dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N67 Telang Usan Y.B. Lihan Jok pada 18 Julai 2007.

Lebih 100 hasil seni batik oleh pelukis batik Noel Belulok dan Abdul Malik Adenan telah dipamerkan serta dijual pada harga berpatutan sepanjang karnival dijalankan.

Objektif aktiviti ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan dan menanam minat terhadap seni batik di kalangan masyarakat. Ianya juga sedikit sebanyak membantu menaikkan martabat seni batik sebagai warisan negara serta mempromosikan hasil seni pelukis batik Sarawak yang tidak kurang hebatnya jika dibandingkan dengan pelukis-pelukis dari negeri lain.



YB Lihan melengkapkan lukisan batik bagi merasmikan Karnival Batik.

## Pertandingan Membaca untuk Kanak-Kanak Tadika



Seorang peserta dalam kategori Inggeris

Minat membaca di kalangan kanak-kanak amat penting untuk membentuk masyarakat membaca. Berdasarkan objektif tersebut, Bahagian Perkhidmatan Maklumat telah mengadakan "Pertandingan Membaca untuk Kanak-kanak Tadika" pada 22 Julai 2007.

Pertandingan yang diadakan dalam kategori Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris ini telah mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan daripada 20 buah tadika di seluruh bandaraya Kuching dengan menampilkan pelbagai gaya membaca.

## Karnival Pustaka 2007



Penyertaan yang memberangsangkan dari orang ramai dalam Pertandingan Memancing.

Karnival Pustaka Negeri Sarawak 2007 telah diadakan dengan meriahnya pada 28 – 29 Julai 2007 di sekitar kawasan Pustaka Negeri Sarawak.

Karnival 2007 anjuran Kelab Sukan dan Rekreasi Pustaka ini bertujuan untuk mengalakkan orang ramai berkunjung ke perpustakaan dan menjadikannya bukan sahaja tempat untuk mendapatkan maklumat, tetapi juga tempat riadah dan rekreasi untuk semua lapisan masyarakat.

Pelbagai aktiviti telah diadakan sempena Karnival tersebut, diantaranya Pustaka Talent Search, Aerobathon, Pertandingan Memancing, Jumble Sale, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak Istimewa dan 2 Wheels Saloon.

## Majlis Koktel Bacaan Kegemaran Bersama Selebriti di Pustaka Negeri Sarawak

Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan Majlis Koktel Bacaan Kegemaran Bersama Selebriti pada 27 Julai 2007 di Galeri Pustaka Negeri.

Majlis ini diadakan dengan tujuan untuk menarik minat ramai pembaca untuk menceritakan bahan bacaan kegemaran mereka di dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris mahupun dialek tempatan.

Selebriti-selebriti tempatan dan terkenal yang telah dijemput khas untuk majlis ini ialah Deja Moss dan Safar Gafar, serta penampilan pengarah filem, Zarina Abdullah. Majlis ini juga telah diserikan lagi dengan acara mendeklamasi sajak oleh sasterawan terkenal tempatan, Jais Sahok.



Sesi fotografi bersama selebriti





## Perpindahan ke State Records Repository

Tarikh 6 Julai 2007 merupakan satu detik di mana Bahagian Perkhidmatan Depositor Pustaka Negeri telah berpindah ke bangunan baru yang terletak di Jalan Sultan Tengah, Semariang.

Bangunan baru yang dikenali sebagai *State Records Repository* (SRR) ini telah dibina oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak. *State Records Repository* (SRR) berfungsi sebagai tempat penyimpanan rekod-rekod awam yang mempunyai nilai-nilai arkib.



Bangunan baru "State Records Repository".

## Persembahan Sains oleh Peter Joyce dari UK

Dengan kerjasama British Council Malaysia, Peter Joyce, seorang pelakon British dan pendidik sains, telah diundang daripada UK untuk mempersembahkan drama sains di Pustaka Negeri Sarawak dari 30 & 31 Julai 2007 & di Pustaka Miri dari 1 & 2 Ogos 2007.

Drama sains tersebut bertujuan untuk menarik minat di kalangan para pelajar dan pendidik tentang kepelbagaiannya cara pendidikan sains di sekolah.




Peter Joyce membuat pelajaran sains menyeronokkan apabila beliau menjadi Sir Isaac Newton – salah seorang saintis terkemuka dunia.

## Pelancaran Direktori Perpustakaan-Perpustakaan Awam Sarawak & Majlis Menjunjung Budi

Majlis Menjunjung Budi telah diadakan untuk menzahirkan rasa terima kasih dan penghargaan melalui kerjasama dan sumbangan yang telah diterima daripada organisasi-organisasi dan orang perseorangan kearah pembangunan perpustakaan di Sarawak.

Majlis juga turut menyaksikan perasmian *Direktor Perpustakaan-Perpustakaan Awam Sarawak* pada 19 Ogos 2007 oleh YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak. Turut mengiringi ialah YAABhg Datuk Amar Puan Sri Laila Taib,

Direktori tersebut adalah terbitan siri pertama yang akan memberi pengguna-pengguna sumber maklumat penting seperti pendidikan, perdagangan, rekreasi dan pembangunan budaya dengan menyediakan maklumat mengenai sumber-sumber perpustakaan, kakitangan, dan perkhidmatan yang disediakan.



Ketua Menteri melihat Direktori sambil diperhatikan oleh Tan Sri Hamid dan Datuk Amar Wilson





## Perbarisan Perarakian Hari Kemerdekaan Ke-50 Peringkat Negeri Sarawak



Kontinjen Pustaka Miri sedang berarak melintasi jentas utama Majlis Perarakian dan Perbarisan Hari Kemerdekaan Ke-50 Peringkat Negeri Sarawak.

Pustaka Miri telah menyertai Majlis Perarakian dan Perbarisan Hari Kemerdekaan Ke-50 Peringkat Negeri Sarawak yang turut disaksikan oleh TYT Yang Di-Pertua Negeri Sarawak pada 31 Ogos 2007.

Seramai 80 kontinjen dari pelbagai pertubuhan, agensi, persatuan, dan sekolah telah mengambil bahagian dalam perarakian kali ini.

Kontinjen Pustaka Miri yang diketuai oleh Abdul Aziz Buang, dianggotai oleh 30 orang staf dan ahli keluarga yang mempamerkan semangat 'Merdeka' semasa perarakian dan perbarisan.

## Program Kembara Ilmu ke Telok Melano

Dalam usaha untuk membudayakan minat membaca di kalangan masyarakat mengenai kepentingan menghargai dan memperolehi ilmu, Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia, Majlis Daerah Lundu, UiTM Cawangan Sarawak telah menganjurkan Program Kembara Ilmu di Telok Melano pada 8-10 September 2007.

Program telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Abdul Rahman Deen, Ahli Lembaga Pengurusan, Pustaka Negeri Sarawak pada 9 September 2007.



Sukarlawan bermian permainan tradisional bersama kanak-kanak tempatan

## Wacana Ilmu

Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Persatuan Perkembangan Profesionalisme Pendidikan Sarawak (PROFES) telah menganjurkan Program Wacana Ilmu pada 6 Oktober 2007 di Pustaka Negeri Sarawak.

Bertemakan 'Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan: Isu-isu Kontemporari Pendidikan di Negeri Sarawak', program tersebut telah dirasmikan oleh YB Datuk Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri Sarawak.



Penyertaan yang memberangsangkan.

## Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Melukis Galakan Membaca 2007

Majlis Penyampaian hadiah Pertandingan Melukis Galakan Membaca 2007 telah diadakan di Pustaka Negeri Sarawak pada 1 Disember 2007. Majlis telah disempurnakan oleh YB Datuk Amar Wilson Baya Dandot, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.



Datuk Amar melihat pameran Lukisan selepas majlis penyampaian hadiah.

Turut diadakan pada majlis penyampaian hadiah tersebut ialah pameran "Reading Maketh A Full Man: An Art Exhibition". Hasil seni yang telah dipertandingkan semasa peraduan dipamerkan untuk tontonan umum di Pustaka Negeri Sarawak selama satu bulan.





## Pameran 'Mesej Dalam Hasil Seni'


Pameran 'Mesej Dalam Hasil Seni' yang berlangsung di Pustaka Miri sepanjang bulan November dan Disember 2007, telah menarik perhatian ramai peminat seni dan masyarakat setempat.

Lebih 50 buah lukisan telah dipamerkan serta ditawarkan untuk jualan pada harga yang amat berpatutan.

Antara pelawat pameran tersebut adalah Timbalan Ketua Menteri Sarawak Y.B. Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu ak. Numpang, yang juga merupakan Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi serta Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Empat orang artis atau pelukis tempatan yang terlibat dalam pameran yang diadakan di Ruang Legar Pustaka tersebut adalah Mary Anne Vaz, Michael Chong, Hendrick Nicholas dan Tan Wei Kheng.

Pameran berkenaan bertujuan untuk mempromosikan hasil seni yang pelbagai kepada masyarakat di Bandaraya Miri dan juga para pelawat atau pelancong.



Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu mengagumi salah satu lukisan yang dipamerkan sambil diperhatikan oleh Residen Min Ose Murang (kanan).





# Laporan Dari Pelbagai Bahagian

## Pengurusan Korporat

### Pengurusan Sumber Manusia 2007

Jumlah Staf Berdasarkan Status bagi Tahun Berakhir 31.12.2007

	JBC	Temporary	Volunteer	Secondment	Attachment	Total
Januari	98	28	0	2	2	130
Februari	99	25	0	2	2	128
Mac	99	24	0	2	2	127
April	99	29	1	2	2	133
Mei	98	31	1	2	2	134
Jun	98	36	1	2	2	139
Julai	98	36	2	2	2	140
Ogos	98	36	2	1	2	139
September	97	36	2	1	2	138
Oktober	97	38	2	1	2	140
November	96	38	2	1	2	139
Desember	96	37	2	1	2	138

Pecahan Staf Berdasarkan Kumpulan bagi Tahun 2007

Kategori	Tetap	Sementara	Pinjaman	Sangkutan	Sukarelawan	Jumlah 2007
Pengurusan & Profesional	24	-	1	-	2	27
Sokongan I	72	9	-	1	-	82
Sokongan II	-	28	-	1	-	29
Jumlah	96	37	1	2	2	138





## Pembangunan Sumber Manusia 2007

### Program Pembangunan Sumber Manusia 2007

Bulan	2007	
	Generik	Spesifik
Januari	2	3
Februari	1	8
Mac	5	4
April	1	4
Mei	2	8
Jun	10	5
Julai	1	5
Ogos	2	6
September	-	6
Oktober	1	6
November	3	14
Desember	2	4
Bilangan Pelatih	30	73
Jumlah Pelatih	103	
Bilangan Staf	143	

### Peruntukan latihan dan Perbelanjaan 2007

Tahun	Total Agency's Budget	Yearly Training Fund	% of Yearly Training Fund	Total Fund Being Spent	% Of Fund Spent	% of Staff Attending >7 days of training (against total staff)
2007	RM12,925,500	RM250,000.00	1.934%	RM247,612.08	95.05%↓	50.72%

### Jumlah/Kekerapan Latihan Bagi Staf tahun 2007

Bulan	Bilangan Staf Telah Dilatih		Jumlah
	Pegawai A&B	Kumpulan Sokongan	
Januari 2007	24	48	72
Februari 2007	24	54	78
Mac 2007	13	16	29
April 2007	15	13	28
Mei 2007	11	11	22
Jun 2007	31	33	64
Julai 2007	14	8	22
Ogos 2007	6	10	16
September 2007	9	Nil	9
Oktober 2007	27	6	33
November 2007	34	59	93
Desember 2007	10	5	15





## Latihan Sangkutan

- Staf Pustaka yang Menjalani Latihan Sangkutan

	Tarikh	Peserta	Tempat
1.	5 <sup>th</sup> – 16 <sup>th</sup> Feb 2007	Anita Haji Hamidan Cyprian Eldred Rossem Norasfa Zainal	Hotel Hilton, Kuching
2.	26 <sup>th</sup> Feb – 30 <sup>th</sup> Mac 2007	Jamilah Juli Hadi Mohd. Sufri	Curtin University, Miri

- Latihan Sangkutan Dari Institusi Pengajian Tinggi

	Tarikh	Peserta	Remarks
1.	15 <sup>th</sup> Jan – 14 <sup>th</sup> Apr 2007	Coloria ak. Langgong	UiTM, Sarawak
2.	15 <sup>th</sup> Jan – 14 <sup>th</sup> Apr 2007	Vivianne ak. Jimbau	UiTM, Sarawak
3.	15 <sup>th</sup> Jan – 13 <sup>th</sup> May 2007	Sabrinah Lamri	Chermai Jaya
4.	26 <sup>th</sup> Feb – 30 <sup>th</sup> Mac 2007	Annita Weng	Curtin University
5.	26 <sup>th</sup> Feb – 30 <sup>th</sup> Mac 2007	Caroline John Apoi	Curtin University
6.	9 <sup>th</sup> Apr – 29 <sup>th</sup> Jun 2007	Nurfazariah bt. Zakaria	UIA
7.	9 <sup>th</sup> Apr – 29 <sup>th</sup> Jun 2007	Azarahain bt. Borhan	UIA
8.	30 <sup>th</sup> Apr – 7 <sup>th</sup> Jul 2007	Madiah bt. Poli	Unimas
9.	30 <sup>th</sup> Apr – 7 <sup>th</sup> Jul 2007	Noor Susilawati Mohamad	Unimas
10.	7 <sup>th</sup> May – 7 <sup>th</sup> Jul 2007	Kevin Charles Jonathan	Uni. Putra Malaysia
11.	7 <sup>th</sup> May – 7 <sup>th</sup> Jul 2007	Tiong Hua Dak	Uni. Putra Malaysia
12.	21 <sup>st</sup> May – 21 <sup>st</sup> Sept 2007	Amir Ikhwan b. Madian	UUM
13.	28 <sup>th</sup> May – 26 <sup>th</sup> Jul 2007	Jenny Seman	UiTM, Shah Alam
14.	5 <sup>th</sup> Jun – 21 <sup>st</sup> Jul 2007	Noor Salmi bt. Hussaini	CMM
15.	5 <sup>th</sup> Jun – 21 <sup>st</sup> Jul 2007	Sumiati bt. Suleiman	CMM
16.	11 <sup>th</sup> – 15 <sup>th</sup> Jun 2007	Khamsiah bt. Pasten	IBS Miri
17.	11 <sup>th</sup> – 15 <sup>th</sup> Jun 2007	Nora bt. Yusop	IBS, Miri
18.	11 <sup>th</sup> – 15 <sup>th</sup> Jun 2007	Diana bt. Faizal	IBS, Miri
19.	11 <sup>th</sup> – 15 <sup>th</sup> Jun 2007	Diana ak. Anom	IBS, Miri
20.	9 <sup>th</sup> Jul – 9 <sup>th</sup> Oct 2007	Awgku Malek b. Awgku Ahmad	UiTM, Sarawak
21.	10 <sup>th</sup> Jul – 23 <sup>rd</sup> Nov 2007	Nazrul Ikmal b. Jemal Lihi	Unimas





## Registri & Penerimaan

- Correspondence Volume

	Incoming Records	Outgoing Records
January 2007	379	66
February 2007	372	96
March 2007	434	141
April 2007	356	165
May 2007	364	122
June 2007	255	81
July 2007	407	189
August 2007	339	124
September 2007	280	76
October 2007	279	84
November 2007	277	139
December 2007	149	36
Jumlah	3891	1319

## Kualiti

- Regimen Q Pustaka 2007

- Ulasan Pengurusan
- Audit Dalaman ISO
- Kursus Modular Pegawai OSHA
- Konvensyen ICC
- Audit Dokumen MS ISO 9001:2000
- Audit Pensiilan ISO

- Kiosk Kualiti Pustaka

The screenshot shows a Microsoft Internet Explorer browser window displaying the 'Kiosk Kualiti Pustaka' website. The title bar reads 'Untitled Document - Microsoft Internet Explorer'. The address bar shows the URL: <http://www.pustakanegerisarawak.com/index.htm>. The page content includes the 'Kiosk Kualiti Pustaka' logo, a menu with links like 'Laman utama', 'Kertas Organik', 'Perjawatan Q Pustaka', etc., and a detailed 'Polisi Kualiti' section. The 'Polisi Kualiti' section contains text about the quality policy and its implementation.

**Polisi Kualiti ►**

Pustaka's Quality Policy is founded on a commitment by top, middle and support levels management to develop, provide and manage information resources, products and services that satisfy our customers throughout the States, to support lifelong learning and promote humanity.

It is our policy to provide the highest quality service attainable through continuous improvement. Pustaka's management is also committed to continually improving the effectiveness of our QMS specified by AS ISO 9001:2000 through establishing, monitoring and reviewing quality objectives set by all divisions in Pustaka.




- Latihan Kualiti 2007

- Conferencing On Managing Creativity & Innovativeness
- National Innovative Creative Circle Convention
- Latihan KMK Dalamar
- Konvensyen KMK Peringkat Negeri Sarawak
- Certification for OSH Officer Module 2
- Certification for OSH Officer Module 1
- Bengkel KMK
- Bengkel Anugerah 3R

### Promosi Melalui Majalah 'Kuching Talk'

Pustaka Negeri telah aktif bekerjasama dengan penerbit majalah 'Kuching Talk' untuk mempromosi berita Pustaka dan bahan-bahan terbitan Sarawakiana pada setiap suku tahun 2007. Majalah tersebut adalah untuk edaran kepada pelancong dan pengembala tempatan dan boleh didapati di lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA), Lembaga Pelancongan Sarawak, pusat membeli belah, hotel-hotel tempatan di Kuching dan di Pustaka Negeri Sarawak.



Kuching Talk Magazine





## Penyelidikan & Pembangunan

### Aktiviti-aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan & Pembangunan Professional

Aktiviti	Tarikh, Lokasi & Penyertaan	Objektif
Bengkel Perpustakaan Keluarga  Fasilitator: <b>Prof. Madya Mohd. Sharif Mohd Saad</b> Fakulti Pengajian Maklumat UiTM Shah Alam  Pembantu Fasilitator: <b>Nesly Rebid</b> <b>Bronny Lawrence Nawe</b> <b>Herrie Suliano</b>	Tempoh: 3 - 4 Desember 2007 6 - 7 Desember 2007  Perpustakaan Awam BDA Perpustakaan Awam Samarahan  80-Pembantu Perpustakaan, pegawai kerajaan, guru sekolah dan orang awam	<ul style="list-style-type: none"><li>- Memberi sokongan, input dan nasihat dalam penubuhan, pengembangan dan menambahbaik perpustakaan keluarga dan kemudahan perpustakaan keluarga melalui pengenalan garispanduan-garispanduan antarabangsa dan kebangsaan dalam menuahkan perpustakaan keluarga.</li><li>- Memperkenalkan sistem pengurusan perpustakaan yang mudah kepada peserta.</li><li>- Merangsang minat membaca dan penggunaan perpustakaan di kalangan ahli keluarga.</li></ul>

### Aktiviti-aktiviti Semasa Bengkel





## Projek-projek Pembangunan Perpustakaan & Aktiviti-aktiviti

Peruntukan Kerajaan Negeri – Naiktaraf dan pembaikan perpustakaan desa sedia ada seluruh negeri Sarawak 2007		
<b>MAJLIS DAERAH LUNDU</b> PU Sematân PD Kg. Teluk Melano	<b>MAJLIS DAERAH SERIAN</b> PD Rayang	<b>MAJLIS MERADONG-JULAU</b> PD Sg. Tulai PD Kg. Muara Lebaan PD Kg. Sapena PD Kg. Teluk Batu
<b>MAJLIS DAERAH BAU</b> PD Stass PD Stenggang	<b>MAJLIS DAERAH SAMARAHAN</b> PD Sampuri Kelili PD Rembus PD Kg. Tambirat	<b>MAJLIS DAERAH KAPIT</b> PA Belaga PD Ng. Temalat PD Ng. Antawau
<b>MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN</b> PD Kg. Bawang PD Kg. Semaba PD Kg. Semadang PD Kg. Stabut PD Kg. Giam Lama PD Annah Rais PD Kg. Karu PD Pekan Batu Kawa PD Pekan Beratok PD Paya Mebi	<b>MAJLIS DAERAH SIMUNJAN</b> PD Lubuk Punggor PD Kesindu	<b>MAJLIS DAERAH MARUDI</b> PD Long Kevok PD Long Panai
	<b>MAJLIS DAERAH MATU-DARO</b> PD Pergau PD Tekajong PD Kg. Betanak PD Bruit PA Belawai PD Bawang	<b>MAJLIS DAERAH LIMBANG</b> PD Ng. Medamit

Kos keseluruhan projek: **RM 500,000.00**

**Sebelum**



PD.KPG,  
KESINDU,  
SIMUNJAN



**Selepas**





## Perkhidmatan Maklumat

### Ringkasan Statistik Aktiviti & Program 2007


#### Koleksi 2007

Jumlah Kutipan				
Tahun	Kuching	Miri	Jumlah	%
2007	130,305	29,137	159,442	8.7%

#### Koleksi Mengikut Kategori 2007

Tahun	Koleksi Mengikut Kategori 2007			Miri		
	Kuching			Bercetak	Bukan Bercetak	Arkib
	Bercetak	Bukan Bercetak	Arkib	Bercetak	Bukan Bercetak	Arkib
2007	116,686	13,619	27,703	27,362	1,775	0


#### Lawatan Ahli/Pelawat 2007




#### Sirkulasi : Pinjaman




#### Aktiviti




#### Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan



#### Kekerapan Sesi Literasi Maklumat



#### Peserta Sesi Literasi Maklumat



Pustaka Negeri Sarawak      Pustaka Miri






### Langganan Pangkalan Data Dalam Talian 2007

Pengkalan Data	2007
EBSCO	-
BRITANNICA	■
BERNAMA	-
BRITISH STANDARD ONLINE	■
BRITISH CD-ROM	■
BOOKS24X7	■
GALE INFOTRAC	■
GALE VIRTUAL REFERENCE LIBRARY	■
GROLIER	■
OCLC FIRST SEARCH	■
OCLC WORLDCAT	■
OXFORD ENGLISH DICTIONARY	■
OXFORD REFERENCE ONLINE	■
VIDEO ON DEMAND (VOD)	■
JUMLAH	12


### Statistik Penggunaan langganan Pangkalan Data Dalam Talian 2007

Pengkalan Data	2007
BOOKS24X7	13
BRITISH STANDARD ONLINE	-
BRITANNICA ONLINE	518
EBSCO	-
GALE INFOTRAC	658
GALE VIRTUAL REFERENCE LIB	131
GROLIER	162
OCLC FIRST SEARCH	263
OCLC NETLIBRARY (E-BOOK)	481
OXFORD ENGLISH DICTIONARY	145
OXFORD REFERENCE ONLINE	114
JUMLAH	2485


### Keahlian Berdaftar



### Ahli Baru



### Keahlian Aktif



■ Pustaka Negeri Sarawak

■ Pustaka Min





## Perkhidmatan Tambah Nilai

### Perkhidmatan Maklumat Niaga (BIS)

Perkhidmatan Maklumat Niaga [BIS] adalah salah satu daripada perkhidmatan tambah nilai di Pustaka. Ia berdasarkan konsep "information brokerage" iaitu maklumat dikumpul, diurus dan dipakej berdasarkan kadar harga tertentu untuk para pengguna. Ia menawarkan beberapa perkhidmatan seperti tertera di dalam jadual di bawah ini:

No.	Perkhidmatan	Ulasan	2007
1.	Pro-Access [Professional Information Access]	Pengguna boleh mendapatkan maklumat secara tailor made berdasarkan maklumat yang dikehendaki.	31
2.	VWSP [Virtual Workspace Point]	Perkhidmatan dimana pengguna dapat menggunakan office productivity tools dan Internet.	2005 pengguna
3.	Information Repackaging Services - Dihasilkan - Dijual	Perkhidmatan Pempakejan Semula Maklumat	48 75

### Sudut Lincoln

Satu lagi perkhidmatan tambah nilai Pustaka adalah Sudut Lincoln. Ia adalah satu sudut istimewa yang menyediakan koleksi maklumat bercetak dan bukan bercetak mengenai Amerika Syarikat dan juga mengadakan aktiviti dan program yang berkaitan kepada para pengguna.

No.	Perkhidmatan/Aktiviti	2007
1	Bahan Diterima	883
2	Peminjaman Bahan	1567
3.	Lawatan	52 kali
4.	Pameran	6
5.	Ceramah	3
6.	Persidangan Melalui Video Digital	3
7	Penayangan Video	11

### Perkhidmatan Golongan Istimewa

Perkhidmatan untuk golongan istimewa adalah salah satu perkhidmatan tambah nilai yang disediakan oleh Pustaka. Pustaka menyediakan bilik perkhidmatan golongan istimewa yang dilengkapi dengan state-of-the-art technology untuk membolehkan golongan istimewa menggunakan pelbagai sumber-sumber maklumat yang terdapat pada JAWS, Naturally Speaking, Braille On-Demand and Ruby Open Book dan juga beberapa program di dalam dan di luar perpustakaan. Kekerapan program diadakan juga telah meningkat sebanyak 12.5% pada 2007 manakala jumlah peserta juga telah menunjukkan pertambahan yang drastik iaitu 267% peningkatan dengan jumlah peserta seramai 297 orang berbanding hanya 81 peserta pada 2006.





## Perkhidmatan Depositori


### Laporan Capturing of Electronic Publications Dalam Tahun 2007

Objektif muat-turun tersebut adalah untuk:

- Untuk memenuhi keperluan maklumat bagi menyokong perkembangan sesuatu organisasi.
- Sebagai pusat simpanan pangkalan data bagi jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan Negeri Sarawak.
- Sebagai sumber maklumat unggul yang akan menjadi pusat maklumat kepada Negeri Sarawak.
- Untuk memenuhi keperluan serahan bahan terbitan Negeri Sarawak di bawah Seksyen 14, Sarawak State Library Ordinance 1999.
- Untuk menyimpan kekal maklumat elektronik berkaitan Sarawak.

Agensi	Jumlah Muat-Turun Pertama	Jumlah Pengemaskinian
Jabatan Ketua Menteri	-	23
Jabatan Kerajaan Negeri	-	30
Kementerian	-	17
Pejabat Residen	-	18
Badan Berkawan	-	26
Perundangan	-	3
Pihak Berkuasa Tempatan	-	42
Pejabat Daerah	12	13
Tidak Berjaya Dimuat-turun	11	53
Jumlah Keseluruhan	23	225

### Pengarkiban Laman Web Untuk Tahun 2007





## Aktiviti-aktiviti Depositori Yang Telah Dijalankan Pada Tahun 2007


Tarikh	Aktiviti
17 Januari 2007	Mengadakan lawatan ke Amanah Raya Berhad (Arkib)
18 Januari 2007	Penerimaan bahan dari Jabatan Perpendidaraan Negeri
29 Januari 2007 - 8 Februari 2007	Proses penyusunan dan pemberian tajuk rekod dan National Archives Australia (Arkib)
8 Februari 2007	Penerimaan bahan dari Amanah Raya Berhad
9 Februari 2007	Lawatan Jabatan Pendaftran Negara (Pengurusan Rekod)
5 - 7 Mac 2007	Mesyuarat Information Management (Arkib)
7 Mac 2007	Mesyuarat MoU dengan Library and Archive of Canada (Pengurusan Rekod)
12 Mac 2007	Taklimat Pejabat Residen Kuching (Pengurusan Rekod)
19 Mac 2007	Mesyuarat MoU dengan Arkib Negara Malaysia berhubung penggunaan COMPASS
21 Mac 2007	Pameran Arkib Hari Bersama Pelanggan (PUSTAKA)
26 Mac 2007	Mesyuarat dengan Jabatan Muzium
27 Mac 2007	Mengadakan pemeriksaan dan lawatan khidmat nasihat di Kementerian Alam Sekitar Dan Kejihatan Awam Sarawak
27 Mac 2007	Mengadakan pemeriksaan dan lawatan khidmat nasihat di Kementerian Pembangunan Bandar Dan Pelancongan Sarawak
28 Mac 2007	Pameran Arkib Ariugerah Perpustakaan Cemerlang (PUSTAKA)
29 Mac 2007	Mengadakan pemeriksaan dan lawatan khidmat nasihat di Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak
29 Mac 2007	Mengadakan pemeriksaan dan lawatan khidmat nasihat di Kementerian Kemudahan Awam Sarawak
29 Mac 2007	Mengadakan pemeriksaan dan lawatan khidmat nasihat di Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak
29 Mac 2007	Mengadakan lawatan ke Jabatan Kerja Raya (Arkib)
30 Mac 2007	Mengadakan pemeriksaan dan lawatan khidmat nasihat di Jabatan Agama Islam Sarawak
30 Mac 2007	Taklimat Jabatan Agama Islam Sarawak (Pengurusan Rekod)
09 April 2007	Penguasaan Kesedaran Bahan-bahan Terbitan dan Penggunaan Piawaian Antarabangsa dalam Penerbitan telah diadakan di Yayasan Budaya Melayu Sarawak
09 April 2007	Penguasaan Kesedaran Bahan-bahan Terbitan dan Penggunaan Piawaian Antarabangsa dalam Penerbitan telah diadakan di Persatuan Melanau Kuching
09 April 2007	Penguasaan Kesedaran Bahan-bahan Terbitan dan Penggunaan Piawaian Antarabangsa dalam Penerbitan telah diadakan di Sarawak Convention Bureau
10 April 2007	Penguasaan Kesedaran Bahan-bahan Terbitan dan Penggunaan Piawaian Antarabangsa dalam Penerbitan telah diadakan di Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi
11 April 2007	Taklimat Legal Deposit di Politeknik Kuching
20 April 2007	Menandatangani MoU dengan Arkib Negara Malaysia
27 April 2007	Penguasaan Kesedaran Bahan-bahan Terbitan dan Penggunaan Piawaian Antarabangsa dalam Penerbitan telah diadakan di Sarawak Forestry Corporation
27 April 2007	Penguasaan Kesedaran Bahan-bahan Terbitan dan Penggunaan Piawaian Antarabangsa dalam Penerbitan telah diadakan di Pusat Penyelidikan Pertanian, Semenggok (ARC)
27 April 2007	Mengadakan lawatan ke Central Mechanical Workshop (JKR)
03 Mei 2007	Penerimaan senarai pemindahan rekod dari Jabatan Kerja Raya (Ibu Pejabat)
08 - 11 Mei 2007	Latihan penggunaan COMPASS di Pustaka Negeri Sarawak
22 Mei 2007	Penguasaan Kesedaran Bahan-bahan Terbitan dan Penggunaan Piawaian Antarabangsa dalam Penerbitan telah diadakan di Majlis Daerah Marudi
22 Mei 2007	Penguasaan Kesedaran Bahan-bahan Terbitan dan Penggunaan Piawaian Antarabangsa dalam Penerbitan telah diadakan di Pejabat Daerah Baram
22 Mei 2007	Penguasaan Kesedaran Bahan-bahan Terbitan dan Penggunaan Piawaian Antarabangsa dalam Penerbitan telah diadakan di Pertubuhan Peladang Kawasan Baram
22 Mei 2007	Penguasaan Kesedaran Bahan-bahan Terbitan dan Penggunaan Piawaian Antarabangsa dalam Penerbitan telah diadakan di Pejabat Kesihatan Daerah Baram
23 Mei 2007	Penguasaan Kesedaran Bahan-bahan Terbitan dan Penggunaan Piawaian Antarabangsa dalam Penerbitan telah diadakan di Pejabat Kemas Daerah Baram
23 Mei 2007	Penguasaan Kesedaran Bahan-bahan Terbitan dan Penggunaan Piawaian Antarabangsa dalam Penerbitan telah diadakan di Jabatan Persekitaran Malaysia, Marudi






23 Mei 2007	Penguatkuasaan Kesedaran Bahan-bahan Terbitan dan Penggunaan Piawaian Antarabangsa dalam Penerbitan telah diadakan di SMK Marudi
24 Mei 2007	Penguatkuasaan Kesedaran Bahan-bahan Terbitan dan Penggunaan Piawaian Antarabangsa dalam Penerbitan telah diadakan di Kelab Golf Min
25 Mei 2007	Penguatkuasaan Kesedaran Bahan-bahan Terbitan dan Penggunaan Piawaian Antarabangsa dalam Penerbitan telah diadakan di Sarawak Oil Palm Berhad
25 Mei 2007	Penguatkuasaan Kesedaran Bahan-bahan Terbitan dan Penggunaan Piawaian Antarabangsa dalam Penerbitan telah diadakan di Sarawak Plantation Services Sdn. Bhd.
25 Mei 2007	Mesyuarat dengan Jabatan Muzium Sarawak dipengerusi oleh Datuk Morshidi Ghani
26 May 2007	Taklimat Legal Deposit kepada Persatuan Penulis Utara Sarawak (PUTERA) di Pustaka Miri
